

Sumbangan Sektor Luar Negara terhadap Prospek Pertumbuhan Ekonomi 2017

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Pertumbuhan ekonomi dunia dijangka akan lebih baik pada tahun ini berbanding dengan tahun lepas. Di antara penyebab utama adalah pemulihan negara-negara ekonomi besar sedang meningkat dan ekonomi berpendapatan rendah daripada kelembapan ekonomi pada tahun lepas. Pemulihan ekonomi negara-negara tersebut pula berpunca dari peningkatan harga beberapa komoditi utama dunia. Ini termasuk minyak mentah dan beberapa komoditi pertanian utama, terutama minyak dan makanan serta lain-lain komoditi perusahaan.

Dengan peningkatan harga komoditi-komoditi utama ini, permintaan dari negara-negara pengeksporth komoditi akan meningkat. Keadaan ini seterusnya memberi kesan kepada negara-negara pengeksporth barangan perkilangan seperti Malaysia, terutama barangan pengguna. Dalam pada itu, beberapa ekonomi besar utama dunia juga sedang mengalami peningkatan permintaan melalui pelbagai pakej rangsangan fiskal.

Umpamanya, Amerika Syarikat (AS) mengamalkan dasar fiskal berkembang dengan meningkatkan perbelanjaan untuk pembangunan infrastruktur serta pertahanan dan keselamatan. Walaupun, dasar kewangannya lebih menguncup dengan peningkatan kadar faedah oleh Fed baru-baru ini, iaitu agensi bank pusatnya, namun permintaan domestiknyanya masih kuat kerana peningkatan peluang pekerjaan yang wujud.

Negara China juga meningkatkan pakej rangsangan fiskal yang dijangka mampu meningkatkan permintaan domestiknyanya. Dalam pada itu China juga sedang melalui proses pengimbangan semula ekonominya melalui peningkatan perbelanjaan swasta sambil mengurangkan pelaburan. Permintaan dari Jepun dan negara-negara wilayah Eropah juga dijangka lebih baik dari tahun lepas. Senario ekonomi global ini secara umumnya menyokong peningkatan permintaan dari negara-negara pengeksporth

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

komoditi. Walaupun terdapat beberapa risiko ketidakpastian dasar beberapa negara maju serta keadaan geopolitik dunia, namun kebanyakan ekonomi dunia dijangka mampu meraih manfaat dari pertumbuhan permintaan global.

Harga minyak petroleum mentah dunia kini berada diparas yang agak baik walaupun masih belum stabil. Harga minyak mentah dipengaruhi oleh keadaan permintaan dan penawaran dunia. Keadaan permintaan sudah tentu dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi global. Manakala, penawaran pula dipengaruhi oleh gelagat pengeluar minyak. Selain dari pengeluar utama yang terdiri dari ahli Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC), AS merupakan pengeluar minyak bukan konvensional. Pengeluaran minyak bukan konvensional dipelopori oleh AS dengan memiliki teknologi untuk mengeluarkan minyak syal dari perut bumi.

Tindak tanduk OPEC dan AS mempengaruhi harga minyak mentah. OPEC cuba menaikkan harga dengan tujuan yang jelas untuk meningkatkan hasil. Namun demikian harga yang terlampau tinggi akan memberi manfaat kepada pengeluar minyak syal AS. Maka turun-naik harga minyak mentah di dalam pasaran kini adalah kesan dari permainan tarik tali di antara OPEC dan AS.

Bagi Malaysia, keadaan harga minyak mempunyai kesan dua hala. Harga yang tinggi baik untuk peningkatan keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan juga peningkatan hasil kerajaan. Walau bagaimanapun, harga yang tinggi tidak baik untuk pengguna kerana akan meningkatkan perbelanjaan pengguna. Ianya juga akan menyumbang kepada kenaikan kadar inflasi melalui kesan dorongan kos. Peningkatan harga akan melemahkan permintaan yang seterusnya akan memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi. Purata harga minyak mentah dunia pada tahun ini dijangka pada kadar 55 dolar AS setong. Julat harga ini mungkin baik untuk membantu pertumbuhan ekonomi negara pada masa yang sama memastikan kadar inflasi terkawal.

Sementara itu negara juga dijangka mendapat manfaat dari kenaikan harga komoditi pertanian, terutama minyak sawit dan getah. Bank Dunia meramalkan bahawa indeks harga komoditi bukan tenaga secara keseluruhan akan meningkat sebanyak 3.0 peratus pada tahun ini. Walaupun peningkatan adalah diramalkan lebih ketara untuk

komoditi logam, namun komoditi minyak dan makanan serta komoditi bahan-bahan mentah juga diramal akan mengalami kenaikan harga masing-masing sebanyak 3.0 peratus dan 2.0 peratus.

Di antara komoditi minyak dan makanan yang dijangka mengalami kenaikan harga adalah minyak sawit. Manakala komoditi bahan-bahan mentah pula termasuk getah. Keadaan ini adalah dipengaruhi oleh keadaan cuaca yang kurang baik kerana fenomena *El Nino*.

Situasi ini memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui dua saluran. Pertama, secara langsung melalui peningkatan eksport langsung komoditi tersebut. Ini akan meningkatkan permintaan antarabangsa, yang seterusnya turut menyumbang kepada peningkatan KDNK. Kedua, melalui kesan tidak langsung hasil dari pertumbuhan ekonomi rakan dagang negara yang merupakan negara pengeksport komoditi. Peningkatan pendapatan mereka akan mempengaruhi secara positif terhadap permintaan untuk barangan Malaysia.

Data perdagangan luar terkini untuk bulan Februari tahun ini menunjukkan peningkatan ketara untuk barangan yang berkaitan dengan kedua-dua komoditi ini. Eksport minyak sawit dan produk minyak sawit menunjukkan peningkatan sebanyak 62.8 peratus berbanding dengan bulan Februari 2016. Peningkatan ini antara lain disumbangkan oleh peningkatan purata nilai seunit yang meningkat sebanyak 41.5 peratus, bermakna kesan dari kenaikan harga. Begitu juga untuk eksport getah asli telah meningkat sebanyak 85.5 peratus setahun untuk tempoh yang sama, di mana peningkatan purata nilai seunit adalah 68.5 peratus.

Senario pasaran komoditi utama dunia yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi global ini dijangka memberi kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Ianya akan memberi kesan positif kepada akaun semasa di dalam akaun imbalan pembayaran negara. Maka baki akaun semasa, yang kini semakin mengecil, dijangka akan bertambah baik pada tahun ini.

Peningkatan permintaan luar juga akan meningkatkan potensi pertumbuhan ekonomi. Pada tahun lepas, pertumbuhan ekonomi sebahagian besarnya dijana oleh permintaan

domestik. Keadaan ini akan menjurus kepada kenaikan inflasi. Oleh itu, peningkatan permintaan luar ini akan membantu pertumbuhan ekonomi sambil mengurangkan tekanan inflasi.